

Catatan

الأحاديث المختارة  
من  
فتح المبدي  
بشرح مختصر الزبيدي

**HADIS  
TINGKATAN 3**

للسنة الثالثة

## BAB PERMULAAN WAHYU

Daripada Umar bin al Khattab r.a berkata: *Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat dan setiap seseorang itu berdasarkan apa yang diniatkannya. Barangsiapa yang berhijrah kerana dunia atau perempuan yang ingin dikahwininya maka hijrahnya mengikut apa yang diniatkannya.*

### Perawi hadis

Umar bin al khattab bin naufal bin abdul uzza bin riyah bin Abdullah bin Qart bin razah bin 'Adi bin Kaab bin Luai al Adwi al Qurasyi, keturunannya bertemu dengan nabi pada Kaab. Ibunya Hantamah binti Hasyim bin Mughirah bin Abdullah bin Umar bin Makhzum bin Yaqazah bin Marrah bin Kaab. Tidak ada di kalangan sahabat nabi yang bernama Umar bin al Kattab kecuali beliau seorang. Nabi menggelarnya sebagai Abu Hafs (bapa singa) melalui wahyu dari Allah. Allah menguatkan Islam dengan keislaman beliau sebagaimana beliau terkenal dengan sebab keislamannya.

### **Perkataan seerti (sinonim)**

[النيات] dari segi bahasa – niat

dari segi syara' – niat sesuatu perkara yang disertai dengan perbuatannya.

[الهجرة] meninggalkan. Maksudnya: berpindah dari Mekah ke Madinah sebelum penaklukan Mekah.

[يصبئها] Memperolehnya

[ينكحها] Mengahwininya

[دنيا] Daripada perkataan *danwu*. Dinamakan sedemikian kerana ianya menghampiri dengan perkara lain.

## باب بدء الوحي

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول : إنما الأعمال بالنيات، وإنما لكل امرئ ما نوى. فمن كانت هجرته لدنيا يصيبها أو امرأة ينكحها فهجرته إلى ما هاجر إليه.

الراوي:

عمر بن الخطاب بن نفيل بن عبد العزى بن رباح بن عبد الله بن قرطبة بن رزاح بن عدي بن كعب بن لؤى العدوي القرشي. وأمه حنتمة بنت هاشم بن المغيرة بن عبد الله بن عمر بن مخزوم بن يقظة بن مرة بن كعب. وكناه النبي صلى الله عليه وسلم أبا حفص عن وحي من الله تعالى. وقد أعز الله به الاسلام كما هو مشهور بسبب إسلامه.

معاني المفردات:

النيات : لغة – القصد

شرعا – قصد الشيء مقتزنا بفعله

الهجرة : الترك، والمراد بها الانتقال إلى المدينة من مكة قبل فتحها

يصبئها : يحصلها ينكحها : يتزوجها

دنيا : وهي من الدنوى، سميت بذلك لدنوها من الأخرى

## Kedudukan 'irab

ayat ( فمن ) adalah jawab syarat kepada ayat ( فهاجر إليه )  
( كانت هجرته . )

- Perbuatan anggota badan manusia ialah setiap perkataan, perbuatan sama ada amalan wajib atau sunat, sedikit atau banyak yang keluar dari setiap mukallaf yang beriman.

[النيات] dari segi bahasa – niat

Dari segi syara' – niat sesuatu perkara yang disertai dengan perbuatannya.

- Yang dimaksudkan dengan “niat” di dalam hadis ini ialah makna dari segi bahasa supaya menepati pembahagiannya selepas ini

- Dalam hadis ini perkataan *niat* dijamakkan kerana ianya mempunyai banyak bentuknya.

- Hukum niat dalam ibadat adalah wajib dan tempatnya adalah di hati.

- Hukum menuturkan niat adalah sunat supaya lidah dapat membantu hatinya. Masa niat itu ialah di awal ibadat kecuali ibadat puasa.

- Ibadat itu tidak dikira tanpa niat

- Syarat sah niat itu ialah orang islam, mumayyiz, mengetahui perkara yang diniatkan, tetap pendirian.

## موقع الاعراب:

( فهاجرته إلى ما هاجر إليه ) جواب الشرط ( فمن كانت هجرته ... )

\* الأعمال البدنية هي أقوالها وأفعالها فرضها ونفلها قليلها وكثيرها الصادرة من جنس المكلفين المؤمنين.

\* النيات : لغة – القصد

شرعا – قصد الشيء مقترنا بفعله

\* المراد بالنية في هذا الحديث المعنى اللغوي ليطابق ما بعده من التقسيم

\* جمعت "النيات" في هذه الرواية باعتبار تنوعها.

\* حكم النية في العبادات الوجوب، ومحلها القلب.

\* حكم النطق بالنية مستحب، وليساعد اللسان القلب ووقتها أول

العبادات إلا في الصوم.

\* الاعمال لاتصير معتبرة إلا بالنية

\* شروط صحة النية : اسلام الناوي وتمييزه وعلمه بالمنوى والجزم.

- Tidak sah niat amalan orang kafir sekalipun mereka juga diperintah dan diazab kerana meninggalkannya

- Dimaksudkan 'apa yang diniatkan' ialah 'sesuatu perkara yang diniatkan'. Perempuan juga termasuk dalam masalah ini kerana perempuan sebahagian daripada lelaki.

- Tujuan niat ialah untuk membezakan antara sebahagian ibadat dengan yang lain seperti membezakan antara solat zohor dengan asar. Juga membezakan adakah amalan itu ikhlas kerana Allah atau kerana yang lain.

- Maksudnya: berpindah dari Mekah ke Madinah sebelum penaklukan Mekah dan tidak berlaku hijrah selepas pembukaan kota Mekah.

- Sebab lahirnya hadis ini ialah kisah penghijrah Um Qais yang diceritakan dalam Mu'jam Kabir karangan Tabari daripada Abi Mas'ud berkata: ada di kalangan kami seorang lelaki yang meminang seorang perempuan yang dikenali sebagai Um Qais. Perempuan itu enggan mengahwininya sehinggalah ia berhijrah maka bolehlah ia mengahwininya. Jadi kami namakannya orang yang berhijrah kerana Um Qais.

### Kesimpulan hadis

- 1- Ibadat itu sah dengan niat yang betul.
- 2- Tempat niat adalah di hati dan masanya ialah di awal ibadat.
- 3- Niat ialah suatu ibadat dengan hati dan amalan ialah badat dengan anggota badan.

\* لا تصح النية والأعمال من الكافر وإن كان مخاطبا بما معاقبا على تركها

\* المقصود "بما نوى" أي منويته، وتدخل فيها النساء لأن النساء شقائق الرجال.

\* الغرض من النية: لتمييز العبادات بعضها عن بعض كتمييز صلاة الظهر من صلاة العصر ونحوها، وأيضا لتمييز مقصود العمل هل هو لله وحده أم غيره.

\* المقصود من الهجرة هي الانتقال إلى المدينة من مكة قبل فتحها فلا هجرة بعد الفتح.

\* سبب ورود الحديث: قصة مهاجر أم قيس المروية في المعاجم الكبير للطبري عن أبي مسعود قال: كان فينا رجل خطب امرأة يقال لها أم قيس فأبت أن تتزوجه حتى يهاجر فتزوجها. قال: فكنا نسميه مهاجر أم قيس.

### ما يستفاد من الحديث

- ١- صحة العبادة بالنية الصحيحة
- ٢- محل النية القلب ووقتها أول العبادة
- ٣- النية عبودية بالقلب والعمل عبودية بالجوارح

## KITAB IMAN

Daripada Abu Hurairah r.a daripada nabi s.a.w bersabda: *Iman itu terdapat lebih daripada 60 cabang keimanan. Sifat malu adalah antara cabang iman.*

### Perawi Hadis:

Abu Hurairah ialah Abdul rahman bin Sakhr al Dusi. Beliau orang pertama digelar dengan gelaran ini kerana beliau bermain anak kucing. Nabi s.a.w mengelarnya sedemikian ketika melihat kucing berada dalam dakapannya dengan katanya: wahai Abu Hurairah!. Beliau memeluk Islam pada tahun peperangan Khaibar dan turut serta bersama nabi s.a.w dalam peperangan itu. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 59 / 58 / 57 Hijrah. Usianya 78 tahun. Hadis yang diriwayatkan daripadanya sebanyak 5,374 hadis.

### Perbendaharaan kata :

[بضع] Bilangan kurang dari sepuluh iaitu antara 3 – 9.

[الحياء] *Dari segi bahasa* : perubahan keadaan yang terjadi pada seseorang kerana takut diaibkan.

*Dari segi syara'* : sifat yang menimbulkan perasaan ingin menjauhi perkara buruk dan menghalangnya daripada mengabaikan tanggungjawab tuhan.

## كتاب الإيمان

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: الإيمان بضع وستون شعبة، والحياء شعبة من الإيمان.

### الراوي:

أبو عبد الرحمن بن الصخر الدوسي، وهو أول من كني بهذه الكنية لهرة صغيرة كان يلعب بها. كناه النبي صلى الله عليه وسلم حين رآها في كفه فقال: يا أبا هريرة. وأسلم عام خيبر وشهدها مع النبي صلى الله عليه وسلم. مات بالمدينة سنة تسع أو ثمان أو سبع وخمسين من الهجرة. وكان عمره ثمان وسبعين سنة. روى له خمسة آلاف وثلاثمائة وأربعة وسبعون حديثاً.

### المفردات:

بضع : القطعة من العدد تجعل لما دون العشرة من الثلاث إلى التسع

الحياء : لغة – تغير وانكسار يعتري الإنسان من خوف ما يعاب به

وشرعاً – خلق يبعث على اجتناب القبيح ويمنع من التقصير في حق ذي الحق.

[الايمن بضع وستون شعبة] Cabang iman bilangannya tidak diketahui kerana terlalu banyak. Ia terbahagi kepada amalan hati, lidah dan anggota badan.

- Contoh amalan hati ialah kepercayaan dan niat seperti beriman dengan rukun-rukun iman, beriman dengan semua perkara ghaib, ikhlas, tawadu' (rendah diri) dan lain-lain.

- Amalan lidah, antaranya: menyebut kalimah syahadah, membaca al Quran, berdoa, berzikir.

- Amalan anggota badan : bersuci zahir dan maknawi, memuliakan tetamu, puasa, haji, umrah dan seumpamanya.

- Malu ialah sifat yang menimbulkan perasaan ingin menjauhi perkara buruk dan menghalangnya daripada mengabaikan tanggungjawab tuhanaya.

- Sifat malu yang paling utama ialah malu pada Allah.

- Sifat malu adalah sifat tabi'i manusia, ia menjadi cabang iman kerana iman itu ada kalanya bentuk sifat tabi'i manusia atau bentuk akhlak tetapi penggunaannya mengikut syara' memerlukan usaha, ilmu dan niat.

- Dalam hadis ini hanya disebut sifat malu kerana sifat ini menimbulkan perasaan ingin menjauhi perkara buruk dan menghalangnya daripada mengabaikan tanggungjawab tuhanaya.

\* المراد ب (الايمن بضع وستون شعبة) هي أن شعب الايمن اعداد مبهمه ولا نهاية لكثرتها، وتتفرع من أعمال القلب واللسان والبدن

\* نماذج أعمال القلب أي المعتقدات والنيات منها الايمن بأركانه والايمن بكل أمور الغيبات والاخلاص والتواضع وغيرها.

\* أعمال اللسان منها التلفظ بالتوحيد وتلاوة القرآن والدعاء والذكر.

\* أعمال البدن مثل التطهر حسا وحكما، واکرام الضيف والصيام والحج والعمرة ونحوها.

\* الحياء : خلق يبعث على اجتناب القبيح ويمنع من التقصير في حق ذي الحق.

\* الحياء أولى هي الحياء من الله تعالى.

\* الحياء من الغريزة وجعل شعبة من الايمن لأن الايمن قد يكون غريزة وقد يكون تخلقا ولكن استعماله على وفق الشرع يحتاج إلى اكتساب وعلم ونية.

\* ورد الحياء فقط في هذا الحديث لأن الحياء يبعث على اجتناب القبيح ويمنع من التقصير في حق ذي الحق.

Dari Abdullah bin Amr r.a daripada nabi s.a.w bersabda: *Seorang muslim yang sempurna itu ialah orang yang selamat lidah dan tangannya dari menyakit orang Islam yang lain. Dan orang yang berhijrah itu orang yang meninggalkan perkara yang dilarang Allah.*

#### Perawi hadi:

Abdullah bin Amr bin al 'As al Qurasyi al sahmī. Beliau meninggal dunia di Mekah / di Taif / di Mesir pada zulhijjah 63 / 65 / 67 Hijrah. Usianya 78 tahun. Beliau memeluk Islam sebelum bapanya. Sangat meminati ilmu dan rajin beribadat. Beliau banyak meriwayatkan hadis Abu Hurairah. Hadis riwayat beliau dalam sahih Bukhari ada 25 atau 26 hadis.

#### Perbendaharaan kata :

[المسلم] Seorang muslim yang sempurna

[المسلمون] Termasuk juga muslimat dan ahlu zimmah

[المهاجر] Orang yang berhijrah

- Didahulukan perkataan lidah berbanding tangan kerana menyakiti dengan lidah lebih banyak berlaku dan amat menyakitkan , ia juga meliputi masa yang lalu dan sekarang berbeza dengan menyakiti melalui tangan.

عن عبدالله بن عمرو رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال: **المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده، والمهاجر من هجر ما نهى الله عنه.**

#### الراوي:

عبد الله بن عمرو بن العاص القرشي السهمي، المتوفى بمكة أو الطائف أو مصر في ذي الحجة سنة ثلاث أو خمس أو سبع وستين أو اثنين أو ثلاث وسبعين، كان عمره اثنين وسبعين سنة. وكان أسلم قبل أبيه. وكان غريز العلم مجتهدا في العبادة. وكان أكثر حديثا من أبي هريرة، وكان له في البخاري ستة أو خمسة وعشرون حديثا.

#### المفردات:

المسلم : المسلم الكامل

المسلمون : يلحق بهم المسلمات وأهل الذمة

المهاجر : بمعنى المهاجر

\* قدم اللسان على اليد لأن الايذاء به أكثر وقوعا وأشد نكايه، ولأن الايذاء به يعم الماضيين الموجوديين والحديثين بعد بخلاف اليد.

- Disebut perkataan muslimum (kata jamak) memberi maksud wanita-wanita Islam juga termasuk di dalamnya.

- Dikhususkan perkataan tangan tidak anggota lain kerana kebanyakan perbuatan dilakukan dengan tangan seperti menzalimi, memotong, menghubungkan, mengambil, menghalang. Perkara seperti ini banyak dilakukan dengan tangan.

- Menyakiti dengan tangan dan lidah bukanlah salah dalam semua keadaan kerana dibolehkan dalam keadaan tertentu seperti dalam melaksanakan hukuman hudud, ta'zir dan mendidik. Kerana dalam keadaan tersebut sebenarnya ia tidak dinamakan menyakiti tetapi memperbaiki dan menyelamatkan mereka walaupun pada masalah harta.

- Tidak semestinya menjaga lidah dan tangan sebagai tanda seorang itu muslim yang sempurna bahkan perlu menjaga sifat-sifat lain yang menjadi rukun Islam. Objektif hadis ini ialah menggalakkan untuk mencapai sifat ini kerana tidak sempurna Islam kecuali dengan adanya sifat ini.

- Maksud dengan hijrah ialah hijrah zahir dan batin. Hijrah batin ialah meninggalkan keinginan nafsu serakah dan godaan syaitan. Hijrah zahir ialah fitnah dalam agama. Yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah hijrah batin iaitu menjunjung perintah Allah dan laranganNya.

\* الاتيان بجمع التذكير (المسلمون) تفيد بالتغليب فإن المسلمات يدخلن فيه.

\* خصت اليد عن غيره من الجوارح لأن معظم الأفعال إنما يحصل بها ، إذا بها البطش والقطع والأخذ والمنع ومن ثم غلبت بها.

\* الايذاء باليد واللسان يجوز في حالة مخصوصة كما في حد أو تعزيرا أو تأديب لأن هنا ليس المراد بالايذاء على التحقيق بل هو استصلاح وطلب للسلامة لهم ولو في المال.

\* لا يستلزم من اتصف بالسلامة من لسانه ويده كان مسلما كاملا بل مع مراعاة باقي الصفات التي هي أركان الاسلام. والقصد الحث على تحصيل هذا الوصف وانه لا يحصل كمال الاسلام إلا به .

\* المقصود بالهجرة هي هجرة ظاهرة وباطنة. فالهجرة الباطنة هي تركما تدعو إليه النفس الأمارة بالسوء والشيطان. فالظاهر هي الغرار بالدين من الفتن. والمراد في الحديث هي الأولى أي أن يمتثلوا أمر الشرع ونواهييه.



### Huraian Hadis :

Di dalam hadis ini, nabi s.a.w menunjukkan tanda muslim sempurna ialah orang yang selamat lidah dan tangannya dari menyakit orang Islam yang lain kecuali dalam pelaksanaan hukum hudud, ta'zir atau mendidik kerana perkara tersebut untuk memperbaiki dan menjaga keselamatan mereka. Dan hakikat hijrah itu ialah orang yang meninggalkan perkara yang dilarang Allah sama ada zahir atau batin.

### Pengajaran hadis :

- 1- Wajib setiap muslim memelihara daripada menyakiti orang Islam lain dengan lidah dan tangannya.
- 2- Mencela orang islam itu adalah sifat fasik dan menyakiti.
- 3- Hijrah sebenar ialah meninggalkan keinginan nafsu yang menyuruh kepada kejahatan Dan godaan syaitan
- 4- Muslim yang sempurna ialah orang yang baik dengan orang lain (tidak menyakiti mereka).

### شرح الحديث:

\* في هذا الحديث أشار النبي ﷺ أن علامة المسلم الكامل هو من سلم المسلمون والمسلمات وأهل الذمة من لسانه ويده إلا في حد أو تعزير أو تأديب لأن هناك استصلاح وطلب للسلامة لهم. وأن حقيقة الهجرة هي من هجر ما نهى الله عنه ظاهرا وباطنا.

### ما يستفاد من الحديث:

- ١- على المسلم أن يسلم المسلمون من الايذاء بلسانه ويده
- ٢- أن سبب المسلم فسوق وايذاء
- ٣- الهجرة الحقيقية هي ترك ما تدعو إليه النفس الأمارة بالسوء والشيطان.
- ٤- المسلم الكامل هو من يأمن الناس.

Dari Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w ditanya: “Apakah amalan yang paling baik?”. Baginda menjawab: “*Beriman pada Allah dan RasulNya*”. Sahabat bertanya: “Kemudian apa lagi?” Baginda menjawab: “*Berjihad di jalan Allah*”. Sahabat bertanya lagi: “Kemudian apa lagi?” Baginda menjawab: “*Ibadat Haji yang diterima Allah*”

### Perbendaharaan :

[العمل أفضل] Jihad di jalan Allah dan haji yang mabrur

[الجهاد في سبيل الله] Jihad untuk menegakkan agama Allah adalah lebih baik kerana ia mengorbankan nyawanya

[حج مبرور] Haji yang diterima Allah

- Maksud amalan yang paling baik ialah mendapat pahala yang paling banyak di sisi Allah.

- Haji itu diterima Allah apabila ianya tidak bercampur dengan dosa dan sifat riya’.

- Tanda haji yang diterima Allah ialah orang yang melakukan haji selepas ia kembali dari tanah suci keadaanya lebih baik dari sebelumnya .

- Ditambah *alif, lam (makrifah)* pada perkataan *jihad* tidak pada perkataan *iman* dan *haji* kerana *lam* tersebut ialah *lam jins* yang ertinya sama seperti *nakirah* (kata am). Kewajipan pada iman dan haji tidak diperintah mengulangi melakukan kedua-duanya berbeza dengan jihad, ianya wajib dilakukan berulang kali.

- Didahulukan perkataan jihad berbanding haji kerana jihad itu diperlukan walaupun ianya adalah fardu kifayah berbanding ibadat haji yang merupakan fardu ain. Dan mengikut pendapat yang lebih kuat fardu ain adalah lebih baik daripada fardu kifayah.

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم سئل : أيّ العمل أفضل؟. قال : إيمان بالله ورسوله. قيل : ثم ماذا؟. قال : الجهاد في سبيل الله. قيل : ثم ماذا؟. قال : حج مبرور.

### المفردات:

العمل أفضل : الجهاد في سبيل الله، حج مبرور

الجهاد في سبيل الله : الجهاد لإعلاء كلمة الله أفضل لبدله نفسه

حج مبرور : حج مقبول

\* معنى العمل أفضل : أكثر ثوابا عند الله

\* يكون الحج مبرورا إذا كان لا يخالطه إثم ولا رياء فيه

\* علامة القبول في الحج أن يكون حاله بعد الرجوع خيرا مما قبله

\* عرّف الجهاد باللام دون الإيمان والحج لأن المعرف بلام الجنس كالنكرة في المعنى، ولا منهما يتكرر وجوبهما بخلاف الجهاد ، فإنه يتكرر.

\* قدم الجهاد على الحج للاحتياج إليه، وإن كان فرض كفاية والحج فرض عين وهو أفضل من فرض الكفاية على الراجح

**Huraian Hadis :**

Di dalam hadis ini, nabi s.a.w menerangkan amalan yang paling baik ketika ditanya oleh sahabat baginda. Baginda menjelaskan amalan yang paling baik ialah beriman pada Allah dan RasulNya, kemudian berjihad di jalan Allah, kemudian haji yang mabrur. Beriman dengan Allah adala perkara utama daripada ketiga-tiga perkara tersebut.

\* في هذا الحديث بين النبي ﷺ عندما سئل عن أي العمل أفضل. فبين أن أفضل العمل هو الإيمان بالله ورسوله ثم الجهاد في سبيل الله وبعده الحج المبرور. فالإيمان بالله ورسوله اولى من الثلاث.

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a bahawa nabi s.a.w bersabda: "Mencela orang muslim adalah fasik dan membunuhnya adalah kufur".

#### Perbendaharaan kata :

[سباب] Memaki – memperkatakan tentang maruahnyanya dengan perkara yang mengaibkan dan menyakitinya.

[فسوق] Berdosa dan keluar dari kebenaran

[قتاله] Memeranginya

- Dimaksudkan dengan *kufur* bukanlah makna sebenar tetapi *kufur* dari sudut bahasa iaitu tertutup, kerana dengan sebab membunuhnya akan menutup / menghalang melaksanakan hak amanah (memelihara nyawa) dan tidak menyakitinya. Apabila membunuhnya seolah-olah membuka halangan ini. Disebut perkataan *kufur* sebagai amaran yang cukup jelas.

- "Mencela orang muslim adalah fasik dan membunuhnya adalah kufur", kerana di antara orang Islam dan saudaranya ada ikatan keimanan.

- Membunuh lebih berat daripada mencela kerana ia menyebabkan kehilangan nyawa

عن عبدالله بن مسعود رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: سباب المسلم فسوق وقتاله كفر.

المفردات:

سباب : الشتم – التكلم في عرضه بما يعيبه ويؤلمه

فسوق : فجور وخروج عن الحق

قتاله : مقاتلته

\* المراد بالكفر ليس بمعنى الحقيقي بل بالكفر اللغوي وهو الستر، لأنه بقتاله له ستر ما له عليه من حق الأمانة وكف الأذى. فلما قاتله كأنه كشف عنه هذا الستر. وأطلق به (كفر) عليه للمبالغة في التحذير.

\* سباب المسلم فسوق وقتاله كفر لأن بين المسلم وأخيه المسلم علاقة إيمانية.

\* القتال اشد من السباب لأنه يقضى إلى ازهاق الروح عنه

**Huraian hadis:**

Di dalam hadis ini, nabi s.a.w member amaran keras kepada orang Islam daripada mencela saudaranya seagama kerana telah nyata bahawa mencela orang Islam itu adalah *fasik* dan keluar dari batas agama. Tahap maksiat itu berbeza mengikut celaan yang dituturkan dan kesannya. Begitu juga membunuh orang Islam dan mengangkat senjata memerangnya adalah seperti kufur kerana di antara orang Islam itu ada ikatan keimanan dan orang mukmin itu adalah bersaudara.

**Pengajaran hadis :**

- 1- Galakan agar tidak menyakiti orang Islam dalam semua bentuk.
- 2- Galakan supaya berakhlak baik dan bergaul dengan baik pada semua orang.
- 3- Orang mukmin adalah saudara seagama
- 4- Orang yang mengangkat senjata memerangi kami bukanlah di kalangan kami

\* في هذا الحديث يهدد النبي ﷺ المسلمين عن السباب لأن لا خلاف في أن سباب المسلم فسوق وخروج عن حدود الدين، وتختلف درجة معصيته باختلاف لفظ السب وأثره. وكذلك مقاتلة المسلم المسلم وحمل السلاح عليه كالكفر. ولأن بين المسلم والمسلم الآخر علاقة إيمانية والمؤمن أخو المؤمن.

ما يستفاد من الحديث:

١- الحث على ترك أذى المسلمين بكل أنواعه

٢- الترغيب على حسن الخلق والمعاملة مع العالم

٣- المؤمنون إخوة في الدين.

٤- من حمل السلاح علينا ليس منا.

Dari Abu Hurairah r.a berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: “*Sesungguhnya umatku diseru pada hari kiamat dalam keadaan mukanya (dan anggota-anggota wuduk) bercahaya kesan daripada air wuduk. Barangsiapa yang mampu melanjutkan basuhannya maka hendaklah ia lakukannya*”.

#### Perbendaharaan kata :

[أمتي] Umat nabi Muhammad s.a.w iaitu orang-orang Islam.

[يدعون] Diseru ke tempat perhitungan atau ke tempat-tempat lain

[غرا] Cahaya di wajah

[محجلين] Cahaya yang lahir dari kaki mereka.

[اثار الوضوء] Baki air wuduk

[من استطاع] Mereka yang mampu

[فليفعل] Hendaklah d ia melanjutkan basuhan muka, tangan dan kakinya dengan basuhan yang melebihi dari had basuhan wajib yang sempurna

- Dimaksudkan dengan perkataan *MIN* ialah *kerana* atau *sebab*.

- Maksud perkataan *Tahjil* ialah merangkumi dua tangan dan kaki

- Maksud *melanjutkan basuhan muka* ialah membasuh bahagian leher dan bahagian atas kepala.

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: إن أمتي يدعون يوم القيامة غرا محجلين من آثار الوضوء، فمن استطاع منكم أن يطيل غرته فليفعل.

#### المفردات:

أمتي : أمة مُجَّد وهم المسلمون

يدعون : ينادون إلى موقف الحساب أو إلى غير ذلك

غرا : النور في الوجه

محجلين : النور الذي يظهر في أرجلهم

اثار الوضوء : البقية من الماء

من استطاع : القادرون

فليفعل : فليطيل غرته وتحجيله بغسل ما زاد على ما يتيقن به كمال

الواجب

\* المقصود بكلمة *مِنْ* (من آثار الوضوء) هي للتعليل أو السببية.

\* المقصود بالتحجيل هي أن يستوعب العضدين والساقين.

\* المراد بإطالة الغرة غسل صفحتي العنق مع مقدمات الرأس.

**Huraian hadis :**

Di dalam hadis ini, nabi s.a.w menerangkan bahawa umatnya telah diberi keistimewaan oleh Allah yang membezakannya dengan umat-umat terdahulu iaitu wajah mereka bercahaya ketika diseur untuk dihisab pada hari kiamat. Cahaya ini adalah kesan dari air wuduk di anggota wuduk. Kerana itulah Rasulullah menggalakkan orang Islam yang mampu membasuh anggota wuduk dan melebihi basuhan dari had yang wajib.

\* في هذا الحديث بين النبي ﷺ : أن أمته قد خصها الله تعالى بميزة امتازت بها عن غيرها من الأمم السابقة بالنور في وجوههم عندما ينادون إلى الميزان يوم القيامة. وهذا النور من آثار الوضوء في الأعضاء. ومنشأن ذلك حث الرسول بطريق الترغيب على المسلمين القادرين غسل أعضاء وضيئهم وإطالة الغرة.

Dari Aisyah r.ha bahawa nabi s.a.w bersabda: “Apabila seseorang dari kamu mengantuk ketika solat maka hendaklah dia tidur sehinggalah hilang rasa mengantuknya. Kerana seseorang yang solat sedangkan ia mengantuk maka dia tidak tahu ketika dia beristighfar tetapi dia mencela dirinya sendiri”.

### Perbendaharaan kata :

[فليرقد] Hendaklah dia tidur (untuk menghilangkan mengantuk).

[لعله يستغفر] Ingin beristighfar

[يسب نفسه] Dia berdoa keburukan mungkit saat itu dimakbulkan Allah

- Ayat ini ialah *ayat namaan* pada tempat *Hal*.

- Maksudnya ialah dia tidak tahu sama ada dia mohon keampunan, mencela dirinya atau apa-apa yang dilakukannya.

- Hikmah perintah supaya tidur di dalam hadis ini ialah: orang yang solat mesti sedar dan tidak lupa.

### Huraian hadis :

Di dalam hadis ini, nabi s.a.w menyatakan : orang yang solat yang mengantuk perlu tidur agar hilang rasa mengantuknya. Ini kerana bimbang mungkin dia berdoa keburukan untuk dirinya ketika itu saat diterima doa.

عن عائشة رضي الله عنها أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إذا نعس أحدكم وهو يصلي فليرقد حتى يذهب عنه النوم، فإن أحدكم إذا صلى وهو ناعس لا يدرى لعله يستغفر فيسب نفسه.

### المفردات:

فليرقد : فلينم احتيطا

لعله يستغفر : يريد ان يستغفر

يسب نفسه : يدعو عليها فيحشى ان يوافق ساعة الإجابة

\* جملة (وهو يصلي) جملة اسمية في موضع الحال.

\* المراد ب (لا يدرى لعله يستغفر فيسب نفسه) لا يدرى امستغفر أم ساب أو ما يحصل منه.

\* حكمة الأمر بالنوم في الحديث : إن المصلي لا بد أن يكون مستيقظا صحيحا وبعيدا عن الذهول.

### شرح الحديث:

\* في هذا الحديث بين النبي صلى الله عليه وسلم : على المصلي وهو ناعس النوم احتياطا حتى يذهب عنه النوم. وذلك مخافة لأن يدعو عليها في ساعة قد يوافق ساعة الإجابة.



Dari Abu Hurairah r.a berkata: seorang badwi berdiri kemudian kencing dalam masjid lalu orang ramai menghalangnya. Nabi s.a.w berkata kepada mereka: “Biarkannya dan simbahkan sebekas atau satu timba air ke atas air kencing itu. Sesungguhnya kamu diutus untuk memudahkan bukan untuk menyusahkan”.

#### Perbendaharaan kata :

[بال] Ingin kencing.

[المسجد] Masjid nabi s.a.w

[تناوله الناس] Mereka menahannya dengan kata-kata bukan dengan tangan mereka

[وهريقوا] Kamu simbah

[سجلا من ماء] Be kas yang penuh dengan air

- Orang badwi dalam hadis ini ialah Akra' bin Habis, ada yang maengatakannya : Abu Uyainah bin Hisn

[سجلا من ماء أو ذنوبا من ماء] “ayat ini menjelaskan sukatan air itu sama ada bekas yang penuh dengan air, hampir penuh atau bekas yang besar dan luas. Perkataan “atau” yang menyelangi di antara dua perkara itu adalah kerana kesamaran (perawi hadis ini) sekiranya kedua-duanya perkara yang sama. Jika tidak ianya adalah untuk dipilih (antara keduanya)

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قام أعرابي فبال في المسجد فتناوله الناس. فقال لهم النبي صلى الله عليه وسلم: دعوه وهريقوا على بوله سجلا من ماء أو ذنوبا من ماء، فإنما بعثتم ميسرين ولم تبعثوا معسرين.

#### المفردات:

بال : شرع في البول

المسجد : المسجد النبوي

تناوله الناس : بألسنتهم لا بأيديهم

وهريقوا : صبوا

سجلا من ماء : الدلو الممتلئة ماء

\* الأعرابي في الحديث هو الأقرع ابن حابس، وقيل: أبو عيينة بن حصن.

\* (سجلا من ماء أو ذنوبا من ماء) الجملة يدل على بيان كمية الماء سواء الدلو الممتلئة ماء أو القربة من الإمتلاء أو العظيمة والواسعة. واعترض ب (أو) بين القطعتين للشك إن كانا مترادفين وإلا فالتخيير.

[فإنما بعثتم ميسرين ولم تبعثوا معسرين] Maksud ayat ini ialah nabi Muhammad s.a.w diutuskan untuk memudahkan urusan agama dan tidak diutus menyusahkan dalam urusan agama. Allah telah memudahkan untuk RasulNya yang terakhir.

Disebut ayat [لم تبعثوا معسرين] selepas ayat [إنما بعثتم ميسرين] untuk menjelaskan agama ini amatlah mudah

Disandarkan perkataan “diutuskan” kepada sahabat nabi kerana mereka berada di tempat pendakwah menggantikan baginda sama ada bersama nabi atau ketiadaan baginda, kerana itulah mereka disebut sedemikian.

#### Huraian hadis :

Di dalam hadis ini, pada suatu hari nabi s.a.w bersama para sahabat, tiba-tiba berdiri seorang badwi yang ingin kencing dalam masjid nabi, lalu orang ramai mengherdikanya. Nabi s.a.w berkata kepada mereka: biarkannya kencing sehingga selesai, kalau tidak dia akan mengotori seluruh masjid. Selepas itu baginda menyuruh supaya menghilangkan air kencing itu dengan (menyucinya) dengan setimba penuh air . nabi menyatakan (kepada para sahabat): “Sesungguhnya kita ini diutus untuk memudahkan dan bukan untuk menyusahkan”.

\* المقصود ب (فإنما بعثتم ميسرين ولم تبعثوا معسرين) أن مُجِّداً ﷺ قد بعث ميسرا في أمور دينه ولم يبعث معسرا في دينه. قد رخص الله لرسوله الخاتم.

\* اتيان جملة (لم تبعثوا معسرين) بعد جملة (إنما بعثتم ميسرين) تفيد تنبيها على المبالغة في التيسير.

\* أسند البعث إلى الصحابة لأنهم كانوا في مقام التبليغ عنه في حضوره وغيبته، فأطلق عليهم بذلك..

#### شرح الحديث:

\* في هذا الحديث أن النبي ﷺ في ذات يوم نيل الناس إذا كان قام الأعرابي شرع في البول في المسجد النبوي فزجر الناس فكأن النبي صلى الله عليه وسلم يقول: دعوه واتركوه يبول حتى فرغ من بوله وإلا فيتضرر به. وبعد ذلك امر بإزالة البول عنه بالدلو الممتلئة ماء. وينادي النبي صلى الله عليه وسلم: إنما يبعث قومنا هذا ميسرين ولم تبعثوا معسرين

### Hadis 5:

Daripada Abu Zar berkata: Aku telah menghina seseorang dengan cara menghina ibunya, maka Nabi saw menegurku: "Wahai Abu Zar adakah kamu menghina ibunya? Sesungguhnya kamu masih memiliki (sifat) jahiliyyah. Saudara-saudara kamu adalah tanggungan kamu, Allah telah menjadikan mereka di bawah tanggjawab kamu. Maka siapa yang saudaranya berada di bawah tangannya (tanggungannya) maka jika seseorang itu makan berilah padanya makanan seperti yang dia makan, bila dia berpakaian berilah padanya seperti yang dia pakai, janganlah kamu membebani mereka dengan sesuatu yang di luar batas kemampuan mereka. Jika kalian membebani mereka, maka bantulah mereka.

### Perawi Hadis:

Abu Zar al Ghifari adalah golongan terawl memeluk Islam, seorang yang zuhud yang mengatakan haram memiliki harta yang lebih daripada keperluan. Meninggal dunia di Rabzah iaitu Manzil bagi Jemaah haji Iraq jaraknya 3 marhalah daripada Madinah. Hadis riwayat beliau dalam kitab sahih Bukhari adalah 14 hari.

### Perbendaharaan kata:

[سابت] Aku memaki

[عيرته بأمه] menyebutkannya dengan keaiban

[التعير] Mencela

[يغلبهم] luar batas kemampuan mereka

### الحديث الخامس:

عن أبي ذرٍّ رضي الله عنه قال: سابت رجلاً فعيرته بأمه فقال لي النبي صلى الله عليه وسلم يا أبا ذرٍّ أعيرته بأمه؟ إنك امرؤ فيك جاهليّة، إخوانكم حولكم جعلهم الله تحت أيديكم فمن كان أخوه تحت يده فليطعمه مما يأكل وليلبسه مما يلبس ولا تكلفوهم ما يغلبهم فإن كلفتموهم فأعينوهم.

### الراوي:

أبو ذر الغفاري السابق في الإسلام الزاهد القائل بجرمة ما زاد من المال على الحاجة، المتوفي بالرَبْدَة منزل لحاج العراق على ثلاث مراحل من المدينة، وله في البخاري أربعة عشر حديثاً

### المفردات:

سابتُ : شاتمٌ

عيرته بأمه : نسبته إلى العار

التعير : السب

يغلبهم : تعجز قدرتهم

## موقع الإعراب:

(فعيرته بأمه) : الفاء تفسيرية

(إنك امرؤ) : (امرؤ) بالرفع خير إن

(فيك جاهلية) : (جاهلية) بالرفع مبتدأ قدم خبره

(إخوانكم خولكم) : قدم الخبر (إخوانكم) علي المبتدأ (خولكم)

- يجوز أن يكونا خبرين حذف من كل مبتدؤه أي (هم

إخوانكم هم خولكم)،

- أعربه الزركشي بالنصب أي (احفظوا إخوانكم خولكم).

(فمن) : الفاء عاطفة على مقدر أي (وأنتم مالكون إياهم)

- يجوز أن يكون سببية

### Huraian hadis:

- Menghina golongan hamba adalah antara sifat Jahiliah
- Abu Zar mempunyai keimanan yang tinggi, namun teguran nabi saw terhadap beliau adalah sebagai peringan kepadanya daripada adat kebiasaan Jahiliah.
- Lelaki yang dihina di dalam hadis ini ialah Bilal r.a Muazzin nabi saw yang merupakan hamba yang dibebaskan oleh Abu Bakar r.a.
- Maksud saudara di sini adalah hubungan kekeluargaan secara umum kerana manusia adalah anak-anak nabi Adam a.s.
- Sesiapa yang saudaranya berada di bawah tanggungannya, maka jika seseorang itu makan berilah padanya makanan seperti yang dia makan, bila dia berpakaian berilah padanya seperti yang dia pakai, walaupun daripada jenis yang lebih murah
- Tidak menjadi kewajipan kepada seseorang itu memberi makan saudaranya semua perkara yang dimakannya seperti makanan yang berlauk dan kehidupan yang mewah, tetapi disunatkan berbuat sedemikian.
- Larangan membebani golonganhamba dengan sesuatu yang di luar batas kemampuan mereka
- Seumpama golongan hamba ialah orang gaji, pembantu, orang lemah dan binatang.

### Pengajaran Hadis:

1. Larangan mencela hamba dan golongan seumpamanya serta menghina ibu bapa mereka.
2. Galakan berbuat baik dan berlemah lembut dengan mereka.
3. Boleh menyebut perkataan saudara kepada hamba.
4. Sentiasa menyuruh kepada perkara kebaikan dan melarang daripada melakukan perkara kemungkar.

### شرح الحديث:

- تعبير العبيد من خصال الجاهلية.
- كان أبو ذر إيمانه في منزلة عالية وإنما وبَّخه النبي ﷺ بذلك مع عِظَم منزلته تحذيرا له عن معاودة مثل خصلة الجاهلية.
- الرجل المسبوب في الحديث هو بلال المؤذن مولى أبي بكر
- المراد بالأخوة مطلق القرابة لأن الكل أولاد آدم
- من كان أخوه تحت يده فليطعمه مما يأكل وليلبسه مما يلبس ولو في نوع خسيس
- لا يلزمه أن يطعمه من كل مأكوله على العموم من الأدم وطيبات العيش، لكن يستحب له ذلك،
- النهي عن تكليف العبيد بما تعجز قدرتهم عنه
- يلحق بالعبيد الأجير والخادم والضعيف والدابة

### ما يؤخذ من الحديث:

- ١- النهي عن سب العبيد ومن في معناهم وتعييرهم بأبائهم.
- ٢- الحث على الإحسان إليهم والرفق بهم،
- ٣- جواز إطلاق الأخ على الرقيق
- ٤- المحافظة على الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر.

## Hadis 7

Dari Ibnu Umar berkata; Rasulullah saw bersabda: "Sesungguhnya di antara pohon itu ada satu pohon yang tidak jatuh daunnya. Dan itu adalah perumpamaan bagi seorang muslim". Nabi saw bertanya: "Katakanlah kepadaku, pohon apakah itu?" Maka para sahabat beranggapan bahwa yang dimaksud adalah pohon yang berada di kawasan lembah. Abdullah berkata: "Aku berpikir dalam hati pohon itu adalah pohon kurma, tapi aku malu mengungkapkannya. Kemudian para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, pohon apakah itu?" Baginda saw menjawab: "Pohon kurma".

### Perbendaharaan kata:

[مثل] seumpama

[فوق التاس] Fikiran mereka mencari jawapan

## الحديث السابع:

عن ابنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ الشَّجَرِ شَجْرَةً لَا يَسْقُطُ وَرَقُهَا وَإِنَّهَا مَثَلُ الْمُسْلِمِ فَحَدَّثُونِي مَا هِيَ فَوَقَعَ النَّاسُ فِي شَجَرِ الْبَوَادِي قَالَ عَبْدُ اللَّهِ وَوَقَعَ فِي نَفْسِي أَنَّهَا النَّخْلَةُ فَاسْتَحْيَيْتُ ثُمَّ قَالُوا حَدِّثْنَا مَا هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ هِيَ النَّخْلَةُ

### المفردات:

مثل : شبه

فوق التاس : جالت أفكارهم

### موقع الإعراب:

(إن من الشجرة شجرة) : (شجرة) بالنصب **اسم إن**، **خيرها** (من الشجرة)

(لا يسقط ورقها) : جملة في محل النصب **صفة** لشجرة.

(إنها) : عطفاً على (إن) الأولى

(أنها النخلة) : (النخلة) بالرفع **خير أن**، و(أن) بفتح الهمزة لأنها فاعل (وقع)

(ما هي) : جملة من مبتدأ وخبر **سدت مسد مفعولي** (حدث)

### Huraian Hadis:

- Pohon kurma adalah seorang muslim yang sempurna dari sudut sentiasa memberi manfaat.
- Persamaan antara seorang muslim dengan pohon kurma ialah pohon kurma tidak gugur pelepah daunnya dan orang Islam itu tidak pernah terhenti dakwahnya.
- Pokok itu ada keberkatannya seperti keberkatan seorang muslim.
- Keberkatan pohon kurma itu ada pada semua keadaannya daripada mula tumbuh sehingga mati menjadi batang yang kering, boelh digunakan semua bahagiannya dalam pelbagai bentuk sehingga mati menjadi. makanan binatang ternakan, sabutnya digunakan sebagai tali dan lain-lain lagi.
- Keberkatan seorang muslim itu meliputi semua keadannya dan manfaatnya berterusan untuk dirinya dan orang lain.
- Ada pendapat yang sering didengari iaitu pohon kurma dicipta daripada sisa tanah dari ciptaan nabi Adam a.s, namun tidak ada hadis yang menyatakan sedemikian, bahkan sebahagian ulamak mengatakan ianya adalah hadis rekaan.

### Pengajaran Hadis:

- 1- Disunatkan guru megajukan permasalahan kepada teman-temannya untuk menguji kefahaman mereka dan menggalakkan mereka berfikir.
- 2- Memuliakan orang tua dan tidak bercakap ketika bersama mereka.
- 3- Digalakkan mempunyai rasa malu selagi tidak membawa kepada hilangnya kebaikan.
- 4- Boleh membuat teka-teki serta menjelaskan maksudnya.

### شرح الحديث:

- إن النخلة مثل المسلم الكامل في دوام الانتفاع
- وجه الشبه بين النخلة والمسلم: النخلة لا يسقط لها خوصة ولا يسقط المسلم دعوة.
- إن من الشجر ما بركته كبركة المسلم
- بركة النخلة موجودة في جميع أحوالها من حين تطلع إلى حين تيبس تؤكل أنواعا ثم ينتفع بجميع أجزائها حتى الثوي في علف الدواب والليف في الحبال وغير ذلك.
- بركة المسلم عامة في جميع الأحوال ونفعه مستمر له ولغيره.
- ما اشتهر من أن النخلة خلقت من فضلة طينة آدم فلم يثبت الحديث به، بل عده بعضهم في الموضوعات.

### ما يستفاد من الحديث:

- 1- استحباب إلقاء العالم المسألة على أصحابه ليختبر أفهامهم ويرغب في الفكر.
- 2- توقير الكبار وترك تكلم عندهم.
- 3- استحباب الحياء ما لم يؤدي إلى تفويت مصلحة.
- 4- جواز اللغز مع بيانه.

## الحديث الحادي عشر

عن أبي هريرة رضي الله عنه - أن النبي صلى الله عليه وسلم - لقيه في بعض طريق المدينة وهو جنب، قال: فانخنست منه، فذهبت فاغتسلت ثم جئت، فقال: أين كنت يا أبا هريرة؟ قال: كنت جنباً فكرهت أن أجالسك وأنا على غير طهارة. فقال: سبحان الله، إن المؤمن لا ينجس.

### المفردات:

انخنست : تأخرت وانقبضت ورجعت

جنباً : ذا جنابة

### موقع الإعراب:

(وهو جنب): **جملة حالية** من الضمير المنصوب في (لقيه)

(فكرهت) : **الفاء سببية** رابطة ما بعدها بما قبلها

(وأنا على غير طهارة) : **جملة حالية** من الضمير المرفوع في (أجالسك)

(سبحان الله) **نصب** بفعل لازم الحذف.

(سبحان الله) **للتعجب والاستعظام**

## Hadis 11

Dari Abu Hurairah r.a bahwasanya Nabi saw bertemu beliau di salah satu jalan di Madinah, sedangkan beliau dalam keadaan berhadas besar. Maka dia menyelinap pergi untuk mandi, (sehingga Rasulullah saw mencari-carinya). Ketika beliau datang kembali, baginda pun bertanya: "Ke mana kamu pergi wahai Abu Hurairah ?" Beliau menjawab, "Wahai Rasulullah, engkau menemuiku dalam keadaan aku berhadas besar, aku merasa tidak suka untuk duduk bersama kamu sedangkan aku tidak dalam keadaan suci (daripada hadas besar). Lalu Rasulullah saw bersabda: **"Maha Suci Allah, orang mukmin itu tidak najis."**

### Perbendaharaan kata:

[انخنست] kembali/pulang

[جنباً] berhadas besar



## Huraian hadis :

- Nabi saw apabila bertemu dengan mana-mana sahabat, baginda akan menyentuhnya dan berdoa untuknya. Apabila Abu Hurairah r.a menyangka berjunub itu menjadi seseorang dalam keadaan bernajis, beliau bimbang baginda akan menyentuhnya seperti kebiasaannya, lalu beliau cepat-cepat pergi mandi.
- Orang beriman itu dirinya tidak menjadi najis sama ada masih hidup atau telah mati. Oleh itu boleh menyentuhnya ketika memandinya apabila ia mati. Namun apabila ia terkena najis maka ia berkeadaan bernajis. Hukum orang kafir dalam perkara ini adalah seperti orang Islam.
- Maksud Firman Allah swt : “Sesungguhnya orang-orang musyrikin adalah najis” adalah najis dari sudut kepercayaan mereka, atau kerana golongan ini mesti dijauhi sebagaimana wajib menjauhi najis, atau kerana mereka tidak bersuci dan tidak menjauhi najis, maka mereka ini biasanya dalam keadaan bernajis.
- Ibnu Abbas berkata: Tubuh oaring kafir adalah najis seperti anjing”. Ini juga pendapat Ibnu Hazm, namun dibantah dengan halalnya perkahwinan perempuan ahli kitab dengan orang Islam dan tidak dapat dielakkan ianya berpeluh ketika tidur bersamanya, namun tidak diwajibkan mandi kecuali perkara yang mewajibkan mandi pada wanita Islam. Ini menunjukkan bahawa manusia tubuh badannya tidaklah najis kerana tidak ada perbezaan antara lelaki dan perempuan bahkan ia bernajis dengan najis yang terkena padanya.

## شرح الحديث:

- أن النبي ﷺ كان إذا لقي أحدا من أصحابه ماسه ﷺ ودعا له، فلما ظن أبو هريرة أن الجنب يتنجس بالجنابة خشي أن يماسه كعادته فبادر إلى الاغتسال.
- إن المؤمن لا ينجس في ذاته حيا ولا ميتا، ولذا يجوز مسه في حال غسله إذا مات أما إذا أصابه نجاسة فإنه يتنجس وحكم الكافر في ذلك كالمسلم.
- أما قوله تعالى: (إنما المشركون نجس) فالمراد به نجاسة اعتقادهم أو لأنهم يجب اجتنابهم كما يجتنب النجس، أو لأنهم لا يتطهرون ولا يتباعدون عن النجاسات فهم ملابسون لها غالبا.
- عن ابن عباس: "أعيانهم نجسة كالكلاب" وبه قال ابن حزم، وعرض بجلّ نكاح الكتابية للمسلم ولا يسلم عند مضاجعتها من عرق ومع ذلك لا يجب من غسلها إلا ما يجب من غسل المسلمات فدل على أن الأدمي ليس بنجس العين إذ لا فرق بين الرجال والنساء بل يتنجس بما يعرض له من خارج.

### Pengajaran daripada hadis:

- 1- Abu Hurairah menghormati dan memuliakan nabi saw, di mana beliau tidak suka duduk bersama baginda sehinggalah beliau telah mandi janabah.
- 2- Hadis ini menunjukkan harus bagi orang berjunub keluar rumah untuk memenuhi keperluannya tanpa mandi terlebih dahulu.
- 3- Hadis ini menunjukkan orang Islam itu suci ketika masih hidup atau setelah mati.
- 4- Orang kafir itu najis dari sudut maknawi – inilah pendapat kebanyakan ulamak. Orang kafir itu najis dari sudut kepercayaan dan agama.

### ما يستفاد من الحديث:

- ١- احترام أبي هريرة رضي الله عنه للنبي صلى الله عليه وسلم وتوقيره له حيث كره أن يجالسه حتى يغتسل.
- ٢- في الحديث دلالة على جواز خروج الجنب لبعض حاجته دون أن يغتسل.
- ٣- الحديث دليل على طهارة المسلم حياً وميتاً
- ٤- أن الكافر نجاسته نجاسة معنوية وبه قال جمهور العلماء، فنجاسته نجاسة في الاعتقاد والدين.